



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 16 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,718 kes** (224,053 kes kumulatif, 83.2%);
- Kes baharu : **2,720 kes** (269,165 kes kumulatif);
- Kes import : **Tiada**
- Kes tempatan : **2,720 kes** [1,391 warganegara (51.1%); 1,329 bukan warganegara (48.9%)];
- Kes aktif : **44,129 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **253 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **118 kes**; dan
- Kes kematian : **8 kes** (983 kes kumulatif, 0.37%).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,300 kes (47.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,067 kes (82.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **451 kes (16.6 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **318 kes (11.7 peratus)**.

Sebanyak **57 kes (2.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara, lokap, dan depoh tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bendera (35 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (14 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (4 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tiga (3) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) kes di Selangor, serta masing-masing satu (1) kes di Sabah, Sarawak, dan Negeri Sembilan. Sebanyak tujuh (7) kes kematian melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 16 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **1,015 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **516 kluster** (termasuk **sembilan (9) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Thamby, Kluster Tapak Bina Hevea, Kluster Jalan Padu, Kluster Pasar Jalan Sentosa, Kluster Wawasan Gading, Kluster Jalan Datuk, Kluster Tampoi Jaya, Kluster Rantau Cempaka, dan Kluster Keranji Tabuan**;
- Jumlah kluster aktif : **499 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **79 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Damar (201 kes), Kluster Tapak Bina Jalan Segambut (173 kes), dan Kluster Industri Cyber (161 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **19 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 14 kluster berkaitan tempat kerja, empat (4) kluster komuniti, dan satu (1) kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Package Pengerang	Johor	Tempat Kerja
2	Wawasan Kulai	Johor	Tempat Kerja
3	Industri Cyber	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Pelepas Empat	Johor	Tempat Kerja
5	Rawang Bestari	Selangor	Tempat Kerja
6	Jalan Industri Dua Belas	Selangor	Tempat Kerja
7	Jalan Industri Tiga	Selangor	Tempat Kerja
8	Jalan Lazuardi	Selangor	Tempat Kerja
9	Simpang Tiga	Sabah	Tempat Kerja
10	Jalan Apas Empat	Sabah	Tempat Kerja
11	Tapak Bina Jalan Segambut	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
12	Jengka Tujuh	Pahang	Tempat Kerja
13	Jalan Day	Kedah	Tempat Kerja
14	Jalan Kayu Manis	Perak	Tempat Kerja
15	Gelong	Sarawak	Komuniti

16	Kidurong Dua	Sarawak	Komuniti
17	Kampung Sungai Maong	Sarawak	Komuniti
18	Univista	Sarawak	Komuniti
19	Jalan Geronggang	Sarawak	Kumpulan Berisiko Tinggi

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

16 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 16 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,300	89,153
SABAH	132	51,561
WP KUALA LUMPUR	318	32,322
JOHOR	451	31,557
NEGERI SEMBILAN	64	13,268
PULAU PINANG	72	9,978
PERAK	69	7,545
KEDAH	38	7,099
SARAWAK	193	7,025
MELAKA	14	5,670
KELANTAN	17	4,047
PAHANG	19	3,560
TERENGGANU	26	2,950
WP LABUAN	1	2,226
WP PUTRAJAYA	6	1,010
PERLIS	0	194
JUMLAH KESELURUHAN	2,720	269,165

Kes positif 2,720 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 16 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,300 kes**

- 645 kes daripada kluster-kluster; termasuk 82 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Rawang Bestari, Kluster Jalan Lazuardi, Kluster Jalan Industri Dua Belas, dan Kluster Jalan Industri Tiga;**
- 422 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 233 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 451 kes**

- 365 kes daripada kluster-kluster, termasuk 316 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Package Pengerang, Kluster Wawasan Kulai, Kluster Industri Cyber, dan Kluster Jalan Pelepas Empat;**
- 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 318 kes**
 - 222 kes daripada kluster-kluster, termasuk 173 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Segambut**;
 - 33 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 63 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 193 kes**
 - 62 kes daripada kluster-kluster, termasuk 48 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kidurong Dua, Kluster Gelong, Kluster Univista, Kluster Kampung Sungai Maong, dan Kluster Jalan Geronggang**;
 - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 103 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 132 kes**
 - 63 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Apas Empat dan Kluster Simpang Tiga**;
 - 56 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 64 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 72 kes**
 - 30 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 69 kes**
 - 61 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kayu Manis**;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 38 kes**
 - 26 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Day**;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 26 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 19 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jengka Tujuh**;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 17 kes**
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 14 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

**Ringkasan lapan (8) kes kematian pada 16 Februari 2021
adalah seperti berikut:**

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
976	203364	Sarawak	Perempuan (WN)	84	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
977	235145	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Kuala Lumpur	<i>Parkinson's Disease</i>
978	236545	Sabah	Perempuan (WN)	86	Hospital Keningau	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
979	245772	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit imuniti rendah
980	247013	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	81	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, kencing manis, buah pinggang kronik, jantung, dan <i>pulmonary embolism</i>
981	256598	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	76	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan jantung
982	265864	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	86	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit paru-paru kronik
983	246908	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	47	Hospital Kuala Lumpur	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 19 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER RAWANG BESTARI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak dan Hulu Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di *Rawang Integrated Industrial Park*, Gombak. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 594 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN LAZUARDI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Jalan Lazuardi, Shah Alam. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. **KLUSTER JALAN INDUSTRI DUA BELAS**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Industri 12, Kampung Baru Sungai Buloh. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 123 individu telah disaring, di mana **17 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. **KLUSTER JALAN INDUSTRI TIGA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Industri 3/4, *Rawang Integrated Industrial Park*, Gombak. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 157 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. **KLUSTER INDUSTRI CYBER**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang yang terletak di Jalan Cyber 14, Kawasan Perindustrian Senai 4,

Kulai. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 315 individu telah disaring, di mana **161 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN PELEPAS EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Pelepas 4/6, Johor Bahru. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 255 individu telah disaring, di mana **87 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER WAWASAN KULAI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai dan Kota Tinggi di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Taman Wawasan, Kulai. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 220 individu telah disaring, di mana **68 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER PACKAGE PENGERANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-221828) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Pengerang, Kota tinggi. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 157 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER TAPAK BINA JALAN SEGAMPUT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Segambut, Kepong. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 483 individu telah disaring, di mana **173 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER UNIVISTA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Samarahan dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-261634) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada

lokalisasi kediaman kes indeks yang terletak di Taman Univista, Samarahan. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 184 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER GELONG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kapit di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-264023) dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Februari 2021 hasil saringan sendiri. Kluster ini melibatkan sebuah majlis pengebumian. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Taman Sri Gelong, Jalan Selirik, Kapit. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 86 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER JALAN GERONGGANG

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Sibul di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-254747) dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Februari 2021 hasil saringan komuniti. Kluster ini melibatkan sebuah pusat jagaan warga emas yang terletak di Jalan Geronggang, Sibul. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 41 individu telah disaring, di mana **kesemua kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER KAMPUNG SUNGAI MAONG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-261632) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Kampung Sungai Maong, Kuching. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 50 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER KIDURONG DUA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Bintulu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-254739) dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala yang bekerja di Kidurong Dua, Bintulu. Kluster ini melibatkan ahli keluarga dan kontak rapat kes indeks. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 74 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER JALAN APAS EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tawau dan Kalabakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-201599) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan dua buah

kilang yang terletak di Tawau. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes indeks yang terletak di Jalan Apas 4. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 390 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

16. KLUSTER SIMPANG TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Belud, Kota Marudu, dan Pitas di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-240454) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di kawasan yang dikenali sebagai Simpang Tiga, Kudat. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 53 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

17. KLUSTER JALAN KAYU MANIS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Manjung di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-226338) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pasar raya yang terletak berdekatan dengan Jalan Kayu Manis, Seri Manjung. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 34 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

18. KLUSTER JALAN DAY

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Setar dan Kubang Pasu di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-251281) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak di Jalan Day (nama lama bagi Jalan Sultanah), Alor Setar. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 109 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

19. KLUSTER JENGA TUJUH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Maran dan Jerantut di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-238642) dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan pra pembedahan. Kluster ini melibatkan dua pusat pengajian di Maran. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jengka 7, Maran. Sehingga 16 Februari 2021, sejumlah 182 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.